



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 ( 63 )

Tarikh : 8 MAC 2022

## MISI BANTUAN BANJIR KILAT DI PJS

Susulan kejadian banjir kilat yang berlaku pada 7 Mac 2022 di beberapa kawasan *hotspot* yang telah dikenalpasti di sekitar Petaling Jaya Selatan (PJS), Majlis telah bertindak membantu mangsa-mangsa banjir yang terjejas melakukan kerja-kerja pembersihan dan membuang takungan air banjir di beberapa buah rumah yang terjejas serta pembersihan jalan di kawasan terjejas.

Antara kawasan yang terlibat adalah di Taman Sri Manja (Taman Buana Perdana), sebahagian Jalan PJS 2/1 (Berhampiran SRK Taman Dato' Harun), sebahagian Jalan PJS 2/3 dan PJS 2C/10 (Berhampiran SRK Taman Dato' Harun) serta di sebahagian Jalan PJS 1/25 (Taman Sri Manja).

Kerja-kerja pembersihan ini telah dilakukan oleh Skwad PANTAS MBPJ bersama-sama Jabatan Teknikal Majlis dan anggota sukarelawan MBPJ yang dilengkapi dengan kelengkapan logistik untuk kerja-kerja pembersihan dijalankan. Skwad PANTAS MBPJ turut menjalankan kerja-kerja awalan di tapak seperti kawalan lalulintas dengan melakukan penutupan jalan dan lencongan arah untuk kenderaan supaya tidak memasuki ke kawasan banjir.

Dalam masa sama, sebanyak 2 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan PJS 2C/6 Taman Dato' Harun dan di Dewan PJS 1/35 Taman Sri Manja telah dibuka oleh Majlis sejak semalam sebagai penempatan sementara kepada mangsa banjir yang terkesan.

Hari ini, Majlis akan meneruskan misi bantuan bagi operasi pembersihan di 2 kawasan di Petaling Jaya Selatan (PJS) iaitu di PJS 2 dan PJS 3 Taman Buana Perdana.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

